

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 MAC 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MaGRis galak inovasi akar umbi	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 6 MAC 2017 (ISNIN)

YAYASAN INOVASI MALAYSIA


KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

[About Us](#) [YIM News](#) [Visual Gallery](#) [Contact Us](#)



Sebuah projek di bawah
Rancangan Malaysia Ke-11

MaGRIs

Membangunkan Inovasi Akar Umbi

**GERAN
PEMBANGUNAN
INOVASI**

RM 30,000

PENCARIAN INOVASI AKAR UMBI

MaGRIs galak inovasi akar umbi

RAKYAT Malaysia yang kreatif dan berinovatif dipelawa menyertai aktiviti Pencarian Inovasi Akar Umbi 2017 yang merupakan sebahagian daripada program *Mainstreaming Grassroots Innovations (MaGRIs)*, sebuah program bawah Rancangan Malaysia ke-11 (2016 - 2020).

Menurut kenyataan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) pihaknya telah menerima borang penyertaan dan mengingatkan mereka yang masih berminat supaya tersebut berbuat demikian dengan menghantar inovasi mereka untuk menyertai aktiviti Pencarian Inovasi Akar Umbi MaGRIs.

YIM berkata, MaGRIs sedang mencari pereka cipta akar umbi yang memiliki semangat yang tinggi untuk terus berinovasi dan berhasrat untuk bekerjasama dengan peneraju industri serta cendekiawan untuk membangun dan memasarkan inovasi mereka.

Katanya, MaGRIs merupakan sebuah projek untuk meningkatkan usaha pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi, menerusi kerjasama pelbagai pihak seperti kerajaan, industri, masyarakat akar umbi dan golongan muda termasuk menyediakan peluang pembinaan kapasiti kepada pihak yang terlibat.

"Menerusi penyertaan dalam MaGRIs, anda akan berpeluang untuk mempertingkatkan tahap pengetahuan, keupayaan, jalinan kerjasama dan kemahiran berinovasi yang menyumbang ke arah penjaanahan kekayaan melalui inovasi.

"Bagi inovasi yang terpilih, kami akan memberikan sokongan serta sumber untuk mempertingkatkan inovasi anda sehingga mencapai tahap prapengkomersialan," katanya.

Inovasi yang memiliki nilai pasaran yang tinggi akan menerima geran pembangunan bernilai RM30,000.

Penyertaan dilanjutkan sehingga 10 Mac ini dan mereka yang berminat boleh layari <http://www.yim.my>

Peranan YIM

- Pembangunan Produk**
 - YIM akan memberi sokongan dalam proses pembangunan akar umbi.
- Sokongan perniagaan**
 - YIM akan memberi sokongan untuk memulakan perniagaan bergantung kepada kebolehlaksanaan inovasi berkenaan.
- Pembinaan kapasiti**
 - YIM akan memulakan pembinaan kapasiti kepada inovator akar umbi.